

UCAPAN Y.A.B. DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI
PELAJARAN DI UPACARA PERESMIAN BANGUNAN
SEKOLAH KEBANGSAAN JUNJUNG, KULIM, KEDAH
PADA 2HB. MEI, 1977 JAM 11.30 PETANG.

Pada pagi yang bersejarah ini saya merasa amat sukacita dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahi Wataala kerana telah dapat hadir bersama dengan tuan-tuan dan puan-puan di Majlis Pembukaan Bangunan Sekolah Kebangsaan Junjung ini. Seterusnya saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengurus Sekolah, Guru-guru, ibubapa-ibubapa dan murid-murid sekelian kerana telah sudi menjemput saya untuk meresmikan pembukaan bangunan sekolah tersebut.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati. Sebagaimana sama-sama kita maklum pelajaran menjadi alat terpenting dalam kehidupan manusia. Kemajuan di bidang sains dan teknologi yang dicapai di negara barat umpamanya telah membolehkan manusia menembusi angkasa lepas menuju ke bulan. Kemajuan dibidang ilmu ekonomi dan perdagangan telah mengatur sistem perniagaan dan perdagangan dari peringkat pertukaran barang-barang sehingga kepada peringkat perdagangan antarabangsa. Dan seterusnya kemajuan di bidang filsafah dan agama dan juga anika jenis perhubungan telah mengembangkan pengaruh agama terutama Agama Islam ke seluruh dunia. Pendek kata jika kita inginkan kemajuan di bidang sains dan teknologi, ekonomi akhlak dan agama pelajaran di bidang-bidang tersebut mempunyai peranan yang utama dan semestinya di beri perhatian dan keutamaan yang paling tinggi. Jikalau kita melihat di sekeliling kita pun kita akan dapat melihat perbezaan mereka yang berilmu dan yang kurang berilmu.

Kita sama-sama mengetahui bahawa Dasar Ekonomi Baru sudah sampai kepada tahun ke 7 semenjak ia mula dilancarkan dalam tahun 1971. Matlamat utama Dasar Ekonomi Baru ialah perpaduan rakyat. Untuk mencapai matlamat ini dua usaha besar adalah penting. Pertama bagi membasmi kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan rakyat serta menambah dengan banyaknya peluang-peluang pekerjaan untuk semua rakyat dengan tidak mengira keturunan dan kaum, dan cara kedua ialah menyusun semula masyarakat untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi yang tidak seimbang di antara kaum, dan pada matlamat akhirnya tidak ada lagi kaum-kaum dikenali dengan jenis pekerjaan yang mereka lakukan. Untuk tujuan ini kegiatan-kegiatan ekonomi moden mestilah sampai kepada orang-orang diluar bandar supaya dengan ini tiap-tiap kaum di

negara ini sama-sama menikmati faedah di semua peringkat dan bidang kegiatan ekonomi. Dasar Ekonomi Baru juga telah menentukan dalam tahun 1990 kaum bumiputra hendaklah memiliki 30% dari modal dan kegiatan ekonomi di semua bidang dan peringkat; orang-orang bukan Melayu 40% dan orang-orang bukan rakyat Malaysia 30%.

Kerajaan mengadakan berbagai rancangan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru ini. Tiap-tiap orang rakyat mesti memainkan peranannya masing-masing untuk menjayakan dasar tersebut dengan apa jua jalan yang diinginkan oleh undang-undang dan perlembagaan negara mengikut kebolehan serta keupayaan masing-masing. Mereka mesti sanggup menyumbangkan buah fikiran, tenaga, wang ringgit malahan jiwaraga apabila diperlukan. Sikap memulangkan segala tanggung jawab untuk memajukan negara kepada Kerajaan semata-mata tidaklah wajar dalam sebuah negara yang merdeka.

Berhubung dengan sumbangan rakyat saya berpendapat usaha mereka untuk menentukan anak masing-masing mencapai kemajuan yang berpatutan dalam pelajaran merupakan salah satu sumbangan yang amat bermakna dan diperlukan. Sesungguhnya pelajaran merupakan salah satu jalan bagi meninggikan pendapatan individu. Seseorang yang berpelajaran tinggi mempunyai kemungkinan yang lebih besar untuk mendapat pekerjaan lebih baik, dan pekerjaan yang lebih baik memberi pendapatan yang lebih tinggi. Oleh yang demikian salah satu peranan ibubapa dalam usaha pembangunan negara hari ini ialah menentukan anak-anak mereka lebih berjaya dalam pelajaran mereka.

Kerajaan amatlah memandang berat terhadap pelajaran yang bermutu diperolehi oleh murid-murid sekolah. Kementerian Pelajaran sentiasa mengkaji rancangan-rancangan pelajarannya supaya mutu pelajaran di negara ini bertambah maju. Tiap-tiap tahun Kementerian Pelajaran mendapat peruntukan kewangan yang terbesar dari Belanjawan Negara kerana permintaan terhadap pelajaran semakin bertambah banyak dan mutu pelajaran juga perlu ditingkatkan lebih tinggi. Kementerian Pelajaran sedang meningkatkan bilangan guru yang dilatih dan jumlah guru dari semua jenis yang mula menerima latihan ialah hampir 10,000 orang. Sukatan-sukatan pelajaran juga adalah dikaji dari semasa ke semasa dan kemudahan-kemudahan pelajaran termasuk bilik-bilik darjah dan bangunan sekolah yang baru juga sedang ditambah tiap-tiap tahun mengikut keutamaan dan peruntukan kewangan yang ada. Sekolah Kebangsaan Junjung ini tidak dikecualikan dari rancangan Kerajaan memberi lebih banyak kemudahan pelajaran kepada rakyat. Saya berharap dengan bangunan yang baru ini dan beberapa kemudahan-kemudahan lain guru-guru dan ibubapa dapat bekerjasama dengan lebih erat supaya mutu pelajaran murid sekolah ini bertambah maju dari setahun ke setahun. Saya merasa sukacita melihatkan kemajuan murid di sekolah ini amat menggalakan dan kejayaan yang diperolehi ini hendaklah dipelihara

ditingkatkan lagi dalam tahun-tahun akan datang. Sesungguhnya kemajuan yang baik di peringkat sekolah rendah memberi asas yang kuat untuk murid-murid itu mengikuti pelajaran di peringkat menengah dan yang lebih tinggi dengan kejayaan.

Saya juga tertarik hati dengan usaha sekolah ini menggalakkan 318 orang dari muridnya menyimpan wang di Bank Simpanan Nasional sebanyak \$3,152.20 sehingga masa ini. Usaha ini patut disokong dan dipuji kerana tabiat menyimpan wang dan tidak berlaku boros merupakan asas penting dalam kegiatan membangunkan ekonomi. Saya berharap usaha ini akan kekal dan lebih ramai murid akan menyertai rancangan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan

Sebagaimana termaklum di seluruh negara pada masa ini terdapat sekolah menengah berasrama penuh dan Sekolah Menengah Sains yang di kelolakan oleh Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran menawarkan kepada murid-murid terbaik terutamanya murid-murid bumiputra dari kawasan luarbandar untuk belajar di sekolah-sekolah ini. Keputusan peperiksaan Ujian Penilaian Darjah V tiap-tiap tahun telah dijadikan asas pemilihan calon-calon ke sekolah-sekolah tersebut. Kemajuan yang dicapai oleh murid-murid sekolah-sekolah berasrama penuh ini amatlah menggalakkan dan saya berharap kemajuan yang lebih tinggi dapat diperolehi pada masa-masa akan datang. Dengan kemajuan cemerlang yang tercapai ini lebih ramai murid-murid bumiputra akan dapat melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi, dan dengan itu juga tujuan Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Pada masa ini terdapat hampir tiga suku pelajar di universiti-universiti berasal dari luar bandar dan ini merupakan satu bukti bahawa Dasar Ekonomi Baru untuk meninggikan taraf hidup penduduk luar bandar dan menyusun semula masyarakat sedang mengeluarkan hasil yang amat menggalakkan.

Dengan adanya peluang-peluang bagi murid-murid memasuki sekolah-sekolah menengah yang terpilih ini, ada kemungkinan sekolah-sekolah rendah menumpukan perhatian yang lebih kepada kelas-kelas yang tertentu iaitu kelas yang mereka harap akan mengeluarkan bakal-bakal murid untuk ditawarkan tempat di sekolah-sekolah menengah berasrama penuh. Kelas-kelas lain yang tidak begitu maju mempunyai kemungkinan mendapat kurang perhatian. Sekiranya ini berlaku pihak sekolah telah tidak berlaku adil kepada murid-murid mereka. Guru-guru sekolah-sekolah rendah terutama guru-guru yang mengajar di darjah-darjah lima tidak seharusnya menumpukan sepenuh masa kepada sesebuah darjah atau sebilangan kecil murid-murid sahaja; mereka perlu memberi perhatian yang sama kepada semua murid di darjah-darjah lain. Ini adalah kerana tujuan utama pelajaran sekolah rendah bukannya untuk mengisi tempat di

sekolah-sekolah berasrama penuh sahaja, tetapi ialah untuk menyediakan asas yang cukup bagi semua murid di sekolah-sekolah rendah untuk mengikuti pelajaran di sekolah menengah dengan kejayaan, tidak kira jenis sekolah menengah itu. Sekolah-sekolah Menengah yang lain juga boleh mencapai kejayaan yang tinggi jika murid-muridnya rajin dan mempunyai asas yang cukup diwaktu di sekolah rendah. Saya berharap semua guru sama ada di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah menyedari tujuan dan matlamat sebenar sekolah masing-masing supaya dimana-mana sahaja murid-murid itu bersekolah, nescaya kemajuan dalam pelajaran akan terjamin juga.

Akhirnya saya ingin juga memberi tahu ibubapa sekalian bahawa saya telah menerima memorandum dari Persatuan Ibubapa Sekolah ini merayu supaya anak-anak mereka yang memasuki sekolah menengah tidak lagi dihantar ke Kulim seperti yang berlaku pada tahun ini. PIBG ini merayu supaya anak-anak mereka di hantar ke sekolah menengah di Simpang Empat Seberang Prai dengan alasan sekolah ini adalah lebih dekat dari kampung ini dan dapat meringankan perbelanjaan ibubapa dari segi perbelanjaan pengangkutan. Dalam perkara ini pihak Jabatan Pelajaran Pulau Pinang dan Jabatan Pelajaran Kedah telah membuat rundingan, dan sukacita pada tahun hadapan murid-murid sekolah ini akan ditempatkan di Sekolah Menengah Simpang Empat.

Sekian sahaja ucapan saya. Saya lagi sekali mengucapkan ribuan terima kasih. Saya percaya dan yakin sekolah ini akan mencapai kemajuan yang lebih tinggi pada masa-masa akan datang. Dengan harapan dan doa ini, sekarang dengan segala sukacita saya resmikan pembukaan sekolah ini.

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

28hb April, 1977.